

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]
TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jangka masa untuk melancarkan *Integrated Cashless Payment System* untuk menyepadukan sistem tiket bagi semua perkhidmatan pengangkutan awam, khususnya di Lembah Klang serta jumlah kos projek tersebut.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Projek sistem tiket bersepadu *Integrated Common Payment System* (ICPS) dilaksanakan oleh Transit Acquirer Sdn Bhd (TASB), yang sebelum ini merupakan anak syarikat milik penuh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Walau bagaimanapun, setelah Kerajaan membubarkan SPAD mulai 31 Disember 2018, Syarikat TASB telah diletakkan di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

Sehubungan itu, mengambilkira kepentingan projek ICPS untuk membangunkan dan mengoperasikan sistem tiket pengangkutan awam bersepadu bagi perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Klang, Kerajaan telah bersetuju untuk meneruskan projek ini melalui penyertaan pihak swasta secara *Request For Proposal* (RFP) melalui tender terbuka. RFP dijangka akan dimuktamadkan pada suku pertama tahun 2022 dan tempoh pembangunan sistem dianggarkan memakan masa sekitar 18 hingga 24 bulan. Jumlah kos projek akan diteliti berdasarkan proses *due diligence* yang merupakan sebahagian daripada RFP berkenaan.

Sekian, terima kasih.